

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran kepada negeri-negeri penerima royalti minyak dan apakah pembayaran tersebut mengikut perjanjian yang telah dimeterai pada 22 Mac 1975.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,**

1. Sejumlah 5% Bayaran Tunai daripada pengeluaran petroleum telah dibayar oleh PETRONAS kepada negeri Sabah dan Sarawak berdasarkan Perjanjian Pembayaran (*Payment Agreement*) dan Instrumen Peletakhakan (*Vesting Instrument*) semenjak 1975, bayaran berkenaan berjumlah masing-masing RM17.59 bilion dan RM38.96 bilion.
2. Bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada negeri-negeri kerana kedudukan medan pengeluaran yang beroperasi berada di luar wilayah negeri-negeri. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan menyediakan bayaran dalam bentuk wang ehsan kepada negeri-negeri terdekat dengan kawasan pengeluaran, iaitu Kelantan dan Terengganu, yang mana dana wang ehsan tersebut digunakan bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri berkenaan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah langkah penyelesaian terhadap masalah kekurangan guru-guru di semua sekolah seluruh Malaysia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah seluruh Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah melaksanakan pelbagai langkah dalam mengurangkan jurang bilangan guru tersebut. Antara langkah yang telah diambil ialah melantik seramai 2,918 orang guru secara kontrak (*Contract of Service*) bagi mengatasi isu kekurangan guru di sekolah rendah dan sedang dalam proses untuk menempatkan seramai 663 graduan Universiti Awam iaitu calon simpanan yang telah diperakui lantikan tetap oleh SPP di sekolah menengah KPM yang akan ditempatkan pada Januari 2021.

Manakala, graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) yang memenuhi syarat kelayakan pula akan dipanggil temuduga oleh SPP berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. SPP juga sedang melaksanakan temuduga ke atas 4,321 graduan Pendidikan IPGM yang terdiri daripada graduan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP), Program Pelajar Cemerlang (PPC) serta Program Diploma

**NO. SOALAN : 491**

Perguruan Lepas Ijazah (DPLI). Penempatan graduan ini djangka pada awal tahun 2021. Sekian